

Jenis Akhbar : Sinar Harian

Tarikh : 10/12/2024

Edisi / Muka Surat : Nasional / 3

Tajuk : SPRM nafi siasatan HRD Corp ditutup



AZAM

SPRM nafi siasatan HRD Corp ditutup

PETALING JAYA - Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki menafikan pihaknya menutup siasatan kes berkaitan HRD Corp yang dijalankan sebelum ini.

Beliau berkata, perkara itu timbul berikutan satu laporan portal mendakwa seorang pegawainya memaklumkan bahawa siasatan berkaitan HRD Corp telah ditutup.

"Saya tidak pasti dari sudut mana pegawai itu merujuk kepada isu ini, tetapi secara amnya

kami telah membuka beberapa fail siasatan terhadap HRD Corp.

"Saya telah mengarahkan pegawai saya untuk memaklumkan kepada PAC bahawa kemungkinan pegawai terbabit merujuk kepada salah satu fail," katanya ketika perasmian penutup Hari Antirasuah Antarabangsa di Auditorium Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad di Kelana Jaya di sini pada Isnin.

Katanya, siasatan terhadap kes tersebut masih berjalan dan melibatkan pelbagai aspek, termasuk perolehan dan pelaburan.

"Kesemua siasatan ini masih di bawah penyiasat dan keputusan akhirnya akan dibuat oleh Timbalan Pendakwa Raya.

"Mesyuarat PAC mungkin hanya menumpukan kepada satu aspek namun siasatan SPRM merangkumi pelbagai sudut yang lebih luas," katanya.